



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web :<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/06 (65)
Tarikh : **21** April 2021
Bersamaan : **09** Ramadhan 1442 Hijrah

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN ISU DAN TINDAKAN BERKAITAN PENGWUJUDAN/
PENGEMASKINIAN KOD PEMBEKAL DI PORTAL iGFMAS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat jabatan ini nombor rujukan ANM(UKPP)MEL/06(64) bertarikh 16 Mac 2021 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa penemuan yang telah dikenalpasti semasa jabatan ini melakukan proses Semak Pejabat Perakaunan (AO) maklumat kod pembekal di portal iGFMAS. Sehubungan dengan itu, adalah diharap pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan penambahanbaikan proses kerja semasa membuat penyelenggaraan maklumat kod pembekal seperti berikut:

- 2.1 Memastikan dokumen sokongan berkaitan diemel ke **vendor_ukppmlk@anm.gov.my** tanpa gagal pada masa yang sama semasa mengunci masuk pendaftaran/ kemaskini kod pembekal di Portal iGFMAS.
- 2.2 Dokumen sokongan yang dilampirkan hendaklah jelas, lengkap dan diakui sah oleh pegawai.
- 2.3 Memasukkan nombor dokumen dan nama PTJ (contoh: C9000017; C9000019 –PTJ 27021101) sebagai subjek emel semasa menghantar dokumen sokongan.
3. Selain itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan juga perlu mengemukakan **Borang Senarai Nama - Daftar/Kemaskini Maklumat Kod Pembekal** seperti di lampiran A semasa menghantar dokumen sokongan. Ini bertujuan bagi mengurangkan kuiri dan sebagai pemantauan dalam memastikan setiap permohonan yang dikemukakan oleh PTJ adalah teratur.
4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan juga, pihak Ibu Pejabat JANM turut mengenalpasti beberapa isu semasa proses mewujud dan mengemaskini kod pembekal oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di portal iGFMAS. Bersama-sama ini disertakan infografik isu dan tindakan yang berkaitan untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA(Aust.))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

s.k. Ketua Seksyen Operasi
 Ketua Seksyen Pemantauan